

Malaysia hab pendidikan tinggi

BH 23/2/2007.

Oleh Anwar Hussin


KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak percaya kehadiran banyak institusi pengajian tinggi asing di negara ini perkembangan sihat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, institusi pengajian tinggi negara perlu mengangap kehadiran institusi pengajian asing di negara ini sebagai satu cabaran bagi meningkatkan kualiti mereka.

“Kini dalam dunia globalisasi, institusi pengajian tinggi asing menumpukan fokus mereka ke Malaysia bagi mengembangkan program pengajian luar negara seperti Amerika Syarikat, Britain dan Australia,” katanya dalam ucap tama ketika merasmikan Konvokesyen Institut Pelaburan Nasional Berhad (PNB) di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Najib berkata, persaingan dalam bidang pendidikan akan meningkatkan kualiti pendidikan tempatan dan



TERIMA TETAMU: Najib menerima kunjungan Panglima Tentera Laut Thailand, Laksamana Satirapan Kenyanont di Jabatan Perdana Menteri, di Putrajaya, semalam.

dengan itu akan menarik kehadiran pelajar asing ke negara ini.

“Kita berharap perkara ini akan menjayakan matlamat untuk menarik 200,000 pelajar asing ke negara ini menjelang 2020,” katanya.

Selain itu, katanya, penekanan pembangunan modal insan dalam in-

dustri perkhidmatan kewangan seperti yang dilakukan PNB boleh meningkatkan prestasi persaingan tempatan di arena global.

Katanya, sebagai negara yang pesat membangun, adalah penting mempunyai sistem kewangan yang kukuh dan menyediakan persekitaran

ekonomi dinamik dan progresif.

“Berhubung perkara ini, satu program pendidikan berstruktur akan meningkatkan kemahiran serta nilai murni untuk diterapkan dalam pembangunan modal insan,” katanya.

BERNAMA